

02 SEP 1998

Profil-Anwar

ANWAR MULA SERTAI PENTADBIRAN DR MAHATHIR PADA 1982

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim, 51, yang dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 1 Dis 1993, mula menyertai pentadbiran kerajaan selepas dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1982.

Beliau kemudian dilantik menjadi menteri penuh bermula di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada bulan Jun 1983, sebelum menerajui Kementerian Pertanian (Julai 1984) dan kemudian Kementerian Pendidikan (Mei 1986).

Berikutan persaraan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan, Anwar kemudian dilantik mengisi kekosongan itu pada Mac 1991 hinggalah beliau meletak jawatan itu hari ini.

Anwar mula menyertai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu itu pada tahun 1982 dan diberi kepercayaan bertanding pada pilihan raya umum pada tahun yang sama atas tiket Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh.

Beliau berjaya menewaskan calon PAS dengan undi majoriti 14,352.

Pada pemilihan Ketua Pemuda Umno tahun 1982, Anwar yang juga Ketua Umno Bahagian Permatang Pauh mengalahkan Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin dengan hanya 10 undi dalam pertandingan yang sengit.

Pada pilihan raya umum tahun 1986, Anwar mengekalkan kerusi Parlimen Permatang Pauh selepas menewaskan Ketua Pemuda Pas ketika itu, Mohamad Sabu dengan undi majoriti 10,479.

Pada tahun 1987, Anwar meletakkan jawatannya sebagai Ketua Pemuda untuk bertanding salah satu jawatan naib presiden dan memenangnya dengan mendapat 850 undi.

Pada pemilihan parti berikutnya pada tahun 1990, beliau sekali lagi terpilih ke jawatan nombor tiga itu apabila mendapat undi terbanyak iaitu 1,067.

Bintang beliau dalam politik terus bersinar apabila berjaya menduduki kerusi Timbalan Presiden Umno selepas Timbalan Perdana Menteri ketika itu Tun Ghafar Baba menarik diri dari bertanding pada pemilihan 1993.

Pada pemilihan parti tahun 1996, Anwar mengekalkan jawatan nombor dua dalam parti itu tanpa bertanding.

Selain memegang pelbagai jawatan penting dalam kerajaan dan parti, Anwar turut dilantik menjadi pengerusi dan anggota kelab dan pertubuhan.

Sehingga kini, Anwar masih memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet bagi mengawasi penyelewengan dalam kerajaan, Timbalan Pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) dan Timbalan Presiden Majlis Telekomunikasi Negara.

Pada awal tahun ini, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang diwujudkan bagi menangani kegawatan ekonomi negara.

Sebagai seorang pemimpin belia, Anwar pernah menduduki kerusi Presiden Majlis Belia Malaysia (1972-76) dan Presiden Abim (1974-82) sebelum bergiat aktif dalam Umno.

Dalam bidang pendidikan tinggi, Anwar dilantik sebagai Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sejak 1988 hingga sekarang.

Di peringkat antarabangsa, beliau diberi kepercayaan untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bank Dunia/Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk tempoh dua tahun mulai April lalu.

Selain menerima beberapa darjah kebesaran, Anwar juga turut

dianugerahkan beberapa penghargaan tinggi seperti pingat emas Unesco, dipilih sebagai antara empat Menteri Kewangan terbaik oleh majalah Euromoney, dan dinamakan Tokoh Menteri Kewangan 1996 oleh majalah AsiaMoney.

Diaugerahkan Order of Rizal pada tahun 1996 yang membawa gelaran "Sir" sempena Persidangan Antarabangsa mengenai "Centennial of the 1896 Philippines Revolution".

Dilahirkan pada 10 Ogos 1947 di Sungai Bakap, Seberang Perai Pulau Pinang, Anwar mendapat pendidikan menengah di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (UM) pada tahun 1967.

Semasa di UM, Anwar dipilih sebagai Presiden Mahasiswa Islam UM.

Anwar pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada Dis 1974 kerana pembabitannya dalam tunjuk perasaan petani miskin di Baling, Kedah.

Beliau mempunyai enam orang anak hasil perkahwinan dengan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada tahun 1980.

-- BERNAMA